

TERMA RUJUKAN

ARAHAN PERATURAN PEPERIKSAAN KEPADA PELAJAR/ PELATIH

1	ETIKA PAKAIAN DAN PENAMPILAN	
1.1	Pelajar/ pelatih diwajibkan memakai pakaian seragam lengkap Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) masing-masing sepanjang sesi peperiksaan berlangsung;	
1.2	Bagi pelajar/ pelatih ulangan atau yang sedang mengandung, pemakaian pakaian rasmi yang sopan adalah dibenarkan; dan	
1.3	Pemakaian kemeja-T, seluar denim (<i>jeans</i>), dan selipar adalah dilarang sama sekali .	
2	KEHADIRAN DAN MASA PEPERIKSAAN	
2.1	Pelajar/ pelatih hendaklah berada di tempat duduk yang ditetapkan di dalam dewan atau bilik peperiksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan bermula;	
2.2	Pelajar/ pelatih hendaklah mematuhi arahan Ketua Pengawas di dewan/ bilik peperiksaan;	
2.3	Pelajar/ pelatih yang tiba lewat melebihi 30 minit selepas peperiksaan bermula tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut; dan	
2.4	Pelajar/ pelatih tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh berikut:	
	2.4.1	30 minit pertama selepas peperiksaan bermula; dan
	2.4.2	30 minit terakhir sebelum peperiksaan tamat.
2.5	Pelajar/ pelatih dikehendaki berhenti menulis serta-merta sebaik sahaja masa peperiksaan tamat.	
3	DOKUMEN PENGENALAN DIRI & BARANG LARANGAN	
3.1	Pelajar/ pelatih wajib membawa Kad Pengenalan/ Pasport dan Slip Angka Giliran untuk pengesahan Ketua Pengawas sebelum dibenarkan masuk:	
	3.1.1	kegagalan mengemukakan dokumen ini akan menyebabkan pelajar/ pelatih dilarang menduduki peperiksaan;
	3.1.2	pelajar/ pelatih yang kehilangan Kad Pengenalan/ pasport perlu mengemukakan laporan polis rasmi sebagai bukti pengesahan diri;

	3.2	Hanya bekas alat tulis jenis plastik lut sinar dibenarkan dibawa masuk;
	3.3	Bahan rujukan, nota, telefon bimbit, dan jam tangan pintar (<i>smart watch</i>) tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan atau bilik kuarantin; dan
	3.4	Pelajar/ pelatih yang tidak sihat atau memerlukan ubat-ubatan di dalam dewan, perlu ada pengesahan daripada doktor dan kebenaran Ketua Pengawas.
4	TATACARA MENJAWAB KERTAS RESPON TUNGGAL (KERTAS OMR)	
	4.1	Pelajar/ pelatih hendaklah menggunakan pensel 2B sahaja untuk menjawab soalan aneka pilihan (MCQ);
	4.2	Pelajar/ pelatih perlu melengkapkan butiran berikut dengan jelas pada kertas OMR;
	4.2.1	No. Kad Pengenalan/ Pasport;
	4.2.2	Tarikh & Sesi Peperiksaan;
	4.2.3	Angka Giliran & Kod Pusat; dan
	4.2.4	Kod subjek.
	4.3	Sesi peperiksaan, angka giliran, pusat peperiksaan, dan kod subjek perlu dihitamkan dengan jelas. Sebarang pembetulan hendaklah dipadamkan sepenuhnya; dan
	4.4	Larangan pada OMR:
	4.4.1	dilarang menulis nama, simbol, atau sebarang tanda pengenalan diri/ institusi pada kertas OMR; dan
	4.4.2	dilarang melipat atau merosakkan kertas jawapan OMR.
5	TATASUSILA & LARANGAN SEMASA PEPERIKSAAN	
	5.1	Pelajar/ pelatih hendaklah mematuhi arahan Ketua Pengawas dan duduk di tempat yang ditetapkan. Perkara berikut adalah DILARANG KERAS semasa berada di dalam dewan:
	5.1.1	mendedahkan kertas jawapan OMR sehingga boleh dilihat atau dibaca oleh pelajar/ pelatih lain;
	5.1.2	meniru, melakukan percubaan untuk meniru, atau bersubahat dengan pelajar/ pelatih lain untuk meniru;

		5.1.3	menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak pelajar/ pelatih;
		5.1.4	berkomunikasi dengan pelajar/ pelatih lain melalui apa jua cara;
		5.1.5	menukar tempat duduk yang telah ditetapkan atau pergi ke tandas secara beramai-ramai dalam satu masa;
		5.1.6	menyalin soalan, membawa keluar buku soalan atau kertas jawapan OMR dari dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan; dan
		5.1.7	pelanggaran mana-mana peraturan di atas boleh menyebabkan keputusan peperiksaan dibatalkan atau tindakan tatatertib diambil.